

14/09/2002

Keputusan Dr Mahathir wajar dihormati

KUALA LUMPUR, Jumaat - Keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu bertanding mempertahankan kerusi Kubang Pasu, Kedah dalam pilihan raya umum akan datang wajar dihormati.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata negara terharu apabila Dr Mahathir membuat keputusan tidak mahu terus memegang jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno seperti diumumkan pada perhimpunan agung parti baru-baru ini.

"Kini ditambah lagi dengan keengganan beliau tidak bertanding sebagai ahli Parlimen kawasan Kubang Pasu.

"Kita terpaksa menghormati keputusannya walaupun kita ingin beliau terus memimpin negara dan parti. Tetapi Perdana Menteri sudah memikirkan secara mendalam mengenai perkara ini dan mengambil keputusan agak tegas dalam hal ini.

"Kita berharap dalam apa juga keadaan, kepemimpinan Dr Mahathir adalah amat besar ertinya.

"Walaupun tidak memegang jawatan parti atau kerajaan, saya harap PM akan terus memainkan peranan menyumbang buah fikiran dan memberi panduan kepada parti dan negara dalam kapasiti yang membolehkan beliau berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Filipina, Angelo T Reyes.

Dr Mahathir, yang menjadi anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu sejak 1974 sehingga sekarang, mengumumkan pertengahan Jun lalu bahawa beliau akan melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti selepas mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur tahun depan.

DI KOTA KINABALU, Ketua Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Chong Kah Kiat berkata keputusan Perdana Menteri perlu dihormati semua pihak.

"Sekiranya Perdana Menteri sudah membuat keputusan begitu dan apabila tiba masanya pilihan raya umum beliau kekal dengan keputusan itu, kita perlu menghormatinya," katanya.